

# Cina perlu terima hakikat

UM - 3 SEP 2002

Oleh ASUKI ABAS

**P**UTRAJAYA 2 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ahli-ahli pendidik Cina perlu menerima hakikat bahawa sekolah Cina di Malaysia tidak boleh dan tidak akan sama dengan sekolah Cina di Tanah Besar China.

Perdana Menteri berkata, sekolah Cina untuk kaum itu di Malaysia perlu menerima perkara-perkara yang dianggap 'kebangsaan' bagi negara ini kerana mereka bukannya rakyat China, Taiwan ataupun Singapura.

"Tentunya sekolah Cina di Malaysia tidak akan sama dengan sekolah Cina di China (kerana) ini adalah Cina Malaysia, mereka bukannya Cina China, bukannya Cina Taiwan (tetapi) Cina Malaysia.

"Sebagai Cina Malaysia mereka (sepatutnya) menerima apa yang dianggap sebagai 'kebangsaan' di Malaysia dan sekolah mereka tidak boleh melahirkan semula sekolah yang sama dengan Cina China," tegas Perdana Menteri.

## Memorandum

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menemui wakil-wakil Persekutuan Dewan Perdagangan dan Industri Cina Malaysia (ACCIM) dan Tujuh Federasi Utama Persatuan-Persatuan Suku Cina (Tujuh Suku), di pejabatnya di sini hari ini.

Turut hadir ialah Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng dan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat.

Pertemuan itu diadakan bagi membincangkan memorandum yang diserahkan oleh ACCIM dan Tujuh Suku kepada Perdana Menteri pada 26 Ogos mengenai isu pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah mulai tahun depan.

Kedua-dua pihak tidak bersetuju dengan langkah kerajaan mewajibkan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, walaupun bersetuju dengan usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

■ Lihat muka 4

## Cina perlu terima hakikat

UM - 3 SEP 2002

Mereka mahu pelaksanaan itu dimulakan di peringkat persekolahan menengah sahaja tanpa melibatkan pelajar sekolah rendah.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak menyatakan akan menolak langsung tuntutan daripada kedua-dua pihak berkenaan sebaliknya akan memberikan "pertimbangan sewajarnya terhadap apa yang diminta."

Menurut Dr. Mahathir, dakwaan bahawa kerajaan sengaja memperkenalkan sekolah Cina tidak sepatutnya timbul sama sekali kerana undang-undang tidak membenarkan ia berlaku.

"Tidak ada cara untuk kita ubah sekolah Cina menjadi sekolah kebangsaan kerana anda sendiri tahu undang-undang tidak membenarkan kita menghapuskan sekolah Cina.

"Malah ada sekolah Cina hari ini yang ada pelajar kurang daripada 20 orang dan mereka bukan pun daripada kaum Cina, tetapi sebab undang-undang melarang kita menghapuskan sekolah Cina, ia masih ada di situ," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran tertentu juga tidak akan mengubah ciri-ciri sekolah Cina atau memaksa mereka menerima guru-guru dari kaum lain.

"Ia masih tetap sekolah Cina kerana ia adalah sekolah yang menggunakan bahasa Cina untuk mata pelajaran lain dan asasnya

dimaksudkan untuk penduduk Cina.

"Tidak ada niat untuk gunakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sebagai alasan untuk memaksa sekolah Cina menerima guru Melayu ataupun guru India kerana kita akan gunakan komputer, manakala guru hanya menjadi fasilitator," tegas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia sebagai sebuah negara perlu mempunyai satu bentuk keseragaman dalam sistem pendidikannya.

"Kita perlu memastikan sekurang-kurangnya sistem atau kurikulum itu kekal sama.

"Jadi kita tidak boleh ubah sesuatu untuk seko-

lah kebangsaan tanpa berbuat perkara yang sama untuk sekolah Cina atau Tamil," ujar Dr. Mahathir.

Menurut beliau, kerajaan sudah cuba memperkenalkan keseragaman melalui sekolah kebangsaan, tetapi ia tidak begitu berjaya kerana tidak mendapat sokongan daripada kaum Cina, India atau Melayu sekalipun.

"Hari ini hanya dua peratus pelajar sekolah kebangsaan terdiri daripada kaum Cina, manakala India empat peratus dan yang lain semua Melayu.

"Sekolah kebangsaan ini tidak dapat sokongan daripada orang Melayu pun kerana mereka sekarang lebih suka menghantar anak ke sekolah agama," kata Perdana Menteri.